

**PM, isteri terima Anugerah Kehormat FIMS  
Utusan Malaysia  
21 March 2011**

KUALA LUMPUR 20 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menerima Anugerah Kehormat Persekutuan Antarabangsa Perubatan Sukan dan Latihan (FIMS) sebagai menghargai sumbangan dan dedikasi beliau dalam pembangunan sukan negara.

Turut menerima anugerah tertinggi FIMS yang disampaikan Presiden persekutuan itu, Dr. Fabio Pigozzi ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor sebagai mengiktiraf jasa beliau dalam mempromosi banyak aktiviti sukan serta menyokong badan-badan sukan di negara ini.

Presiden Persatuan Perubatan Sukan dan Latihan Malaysia (SSEMM), Prof. Datuk Dr. Mohd. Mydin Mohd. Musa. berkata, Perdana Menteri dianggap seperti 'arkitek' pembangunan sukan di Malaysia kerana komitmen beliau sejak sekian lama.

"Pelbagai strategi yang dilaksanakan beliau telah mengangkat negara ini di mata dunia dalam bidang sukan sekali gus berjaya melahirkan jaguh-jaguh dan juara bidang ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutupan Kongres Antarabangsa Perubatan Sukan dan Latihan anjuran SSEMM dan FIMS serta penyampaian anugerah itu kepada Perdana Menteri dan isteri di sini hari ini.

Pada majlis itu, Najib dan Rosmah turut menerima Fellowship Kehormat SSEMM sebagai menghargai jasa mereka berdua dalam aspek pembangunan sukan negara.

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0321&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0321&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_04.htm)